

Headline	UITM-KPT bukti kehebatan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Sukan	Page No	53,56
ArticleSize	343 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,553		



53

UITM-KPT *bukti kehebatan*

UITM-KPT muncul selaku juara bagi divisyen satu, TNB Liga Hockey Malaysia 2018 selepas mendakkan cabaran Politeknik-KPT, 3-1 pada perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Hockey Nasional Bukit Jali, kelmarin.

Selaku juara, UITM-KPT membawa pulang wang tunai RM 30,000 dan medal sementara selaku naib juara Politeknik-KPT membawa pulang wang tunai RM 20,000 bersama medal dan Kedah Hockey Team-NI yang berada di tempat ketiga membawa pulang RM 10,000 bersama medal.

UITM-KPT terlebih dahulu membuka tirai jaringan pada minit kelapan menerusi jaringan padang yang disempurnakan oleh Muhammad Fitri Ismail, bagaimanapun jaringan itu mudah dipadamkan oleh Politeknik-KPT yang dihadiahkan dengan pukulan



UITM-KPT muncul selaku juara bagi Divisyen Satu, TNB Liga Hockey Malaysia 2018 selepas menewaskan Politeknik-KPT 3-1.

penalti stroke apabila Mohamad Shazwi Rani menyempurnakan pukulan tersebut pada minit ke-11.

UITM-KPT yang turut

dihadiahkan dengan pukulan penalti stroke kembali dihadapan apabila Kavin Kartik Govindasamy menyudahkan pukulan tersebut

pada minit ke-19 sekaligus menyaksikan perlawanan separuh masa pertama berpihak kepada UITM-KPT 2-1.

Politeknik-KPT mempunyai peluang terbaik untuk kembali mengikat kedudukan pada suku ketiga apabila dihadiahkan dengan pukulan penalti stroke namun, pukulan Mohamad Shazwi Rani berjaya untuk dibaca oleh penjaga gol UITM-KPT, Mohamad Adi Fazli Ab Rahim.

Nor Azril Abd Rahman memuktamarkan kemenangan buat UITM-KPT selepas menyempurnakan pukulan sudut penalti pada minit ke-58 dan keputusan 3-1 kekal sehingga tamat perlawanan.

Sementara itu dalam aksi penentuan tempat ketiga dan keempat, Kedah Hockey Team-NI dibawah bimbingan Dr Thaitchana Muruthi Subramania Velalar yang kettinggalan 2-0 pada separuh masa pertama bangkit untuk memenangi perlawanan apabila menewaskan SSTMI 5-2.